

## RENCANA

**Mohamad Hussin**  
mohamad\_hussin@  
hmetro.com.my

Seminar Kedaulatan Makanan bertemakan Kedaulatan Makanan Asas Kekuatan Negara menjadi platform bagi membincangkan isu dan cabaran dalam bidang itu di Malaysia.

Kedaulatan makanan merujuk kepada keupayaan negara menghasilkan makanan sendiri tanpa bergantung terhadap import termasuk bahan input penghasilan seperti makanan ternakan, racun, baja dan mesin.

Setakat ini, kadar Tahap Sara Diri (SSL) bagi Malaysia melebihi 100 peratus bagi beberapa sektor seperti pengeluaran ayam, ikan dan telur tetapi masih mengimport keperluan seperti susu, daging lembu dan kambing, beras, sayuran

serta makanan ternakan.

Kebergantungan terhadap negara lain bagi memenuhi keperluan makanan, input pertanian dan pengeluaran makanan boleh memberi kesan negatif kepada Malaysia jika berlaku kejadian tidak diingini pada masa depan.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM)

# MENDAULATKAN MAKANAN NEGARA

Usaha penghasilan sendiri tanpa bergantung import termasuk bahan input seperti makanan ternakan, racun, baja dan mesin

Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris berkata, pertanian, inovasi dan kehidupan tiga aspek penting yang sangat diberatkan universiti itu.

Katanya, pertanian dan makanan antara kluster penyelidikan penting dan disokong 12 daripada 16 fakulti dan lapan daripada 10 institut di UPM yang berkait rapat dengan kluster pertanian dan makanan.

"Pelbagai kerjasama terjalin sekian lama di antara UPM dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam memartabat dan memperkasa industri pertanian dan makanan negara.

"Penemuan baru bagi varieti padi dan buah-buahan, makanan ternakan, vaksin, baja, pelindung perosak tanaman dan penyakit ternakan, sistem pengeluaran dan pengagihan adalah tonggak kepada strategi menjamin kedaulatan makanan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada seminar itu di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah UPM, Serdang, baru

-baru ini.

Majlis perasmian disempurnakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek. Hadir sama, Ketua Pengarah Pertanian Datuk Ahmad Zakaria Mohamad Sidek, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UPM Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin dan Dekan Fakulti Pertanian UPM Prof Dr Abdul Shukur Juraimi.

Seminar anjuran bersama UPM dan Jabatan Pertanian (DOA) membabitkan lebih 800 peserta daripada pelbagai agensi kerajaan, institut pengajian tinggi (IPT), perangka polisi, petani dan pelajar.

Dr Aini berkata, UPM juga menubuhkan dua pusat dan institut baru berkaitan pengeluaran makanan.

"Pertama, Pusat Sekuriti Makanan Negara yang dilihat dapat memperteguh peranan dan sumbangan UPM dalam sektor pertanian dan makanan negara.

"Penubuhan Pusat Sekuriti Makanan Negara adalah kritikal sebagai badan penghubung kepada pembangunan industri

sumber makanan negara.

"Dengan menggunakan pendekatan konsortium diketuai UPM, semua entiti yang terbabit secara langsung dalam sektor pertanian dan makanan negara sama ada pelabur, pusat penyelidikan dan IPT akan disepadukan.

"Ini n mewujudkan ekosistem kondusif dan dapat mencarta polisi dan hala tuju sektor sekuriti makanan di Malaysia dengan lebih komprehensif serta berkesan," katanya.

Menurutnya, UPM juga menaik taraf Pusat Sains Marin UPM kepada Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik UPM.

"Penubuhan institut ini dapat memperkasa penyelidikan bagi menyelesaikan isu akuakultur dan sains marin secara 'total solution' kepada pihak kerajaan dan industri.

"Institut ini akan dijadikan pakar rujukan setempat untuk kemajuan sektor akuakultur dan sains marin, serta penyelesaian isu sektor ini yang juga berkaitan dengan pengeluaran makanan.

GAMBAR ROSELA ISMAIL



PELBAGAI jenis buah-buahan.